

## **DASAR UNTUK PENGAWALAN PENEMPATAN KLINIK-KLINIK HAIWAN**

### **1.0 Definasi :-**

- a) Haiwan : Binatang-binatang jinak (domesticated), tidak termasuk binatang-binatang “livestock”, binatang-binatang besar atau binatang-binatang liar.
- b) Klinik Haiwan : Tempat di mana haiwan-haiwan boleh dirawat sahaja dan tidak boleh disimpan di situ semalaman.
- c) “Infirmary Haiwan : Tempat di mana haiwan-haiwan boleh dirawat dan disimpan di situ. Ini termasuk pemeliharaan (breeding), latihan (training) dan penumpang (boarding) haiwan-haiwan.

### **2.0 Lokasi**

- a) Klinik-klinik dan “infirmary” haiwan boleh dibenarkan di kawasan-kawasan bukan kediaman seperti pertanian, komersial dan perindustrian, tetapi “infirmary” haiwan hendaklah ditempatkan dalam bangunan atau kawasan tanah dengan keluasan yang sesuai untuk menempatkan kandang-kandang haiwan atau “kennel”.
- b) Di kawasan-kawasan kediaman, penempatan klinik-klinik atau “infirmary” haiwan boleh dipertimbangkan dalam kes-kes berikut :-
  - (i) Klinik-klinik haiwan boleh dibenarkan di rumah-rumah kedai.
  - (ii) Dalam sebahagian kes, klinik haiwan dan “infirmary” haiwan boleh dibenarkan di kawasan-kawasan perumahan tidak kekal atau separuh kekal (non permanent or semi-permanent housing areas).
  - (iii) Dalam sebahagian kes, klinik haiwan boleh dibenarkan di tempatkan di bangunan sesebuah sahaja yang mana jarak di antara bangunan ini dengan bangunan lain yang terdekat haruslah sekurang-kurangnya 50 kaki dan Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, MPPP haruslah berpuas hati bahawa tidak akan terdapat sebarang “nuisance” atau kebisingan yang melebihi had yang ditentukan oleh jabatan tersebut.

### **3.0 Bahan Buangan Klinik-klinik Haiwan dan "Infirmarium" Haiwan**

Najis-najis binatang dan air buangan (other liquid wastes) daripada klinik-klinik haiwan dan "infirmarium" haiwan haruslah disalurkan ke dalam pembetungan atau loji rawatan najis.

### **4.0 Kawalan-kawalan lain**

Sebarang aduan mengenai gangguan-gangguan, kebisingan yang keterlaluan, bau, penyakit-penyakit dan sebagainya daripada jiran-jiran akan dipertimbangkan dan diuruskan secara kes demi kes tanpa tertakluk kepada garis panduan-garis panduan di atas.

### **5.0 Pelaksanaan Dasar Untuk Pengawasan Penempatan Klinik-Klinik Haiwan**

Dasar ini akan digunakan untuk pertimbangan semua klinik-klinik dan 'infirmarium' haiwan yang sedia wujud dan tidak sah dan juga untuk permohonan-permohonan bagi penukaran kegunaan atau penubuhan klinik-klinik dan "infirmarium' baru.

**DILULUSKAN OLEH MAJLIS PADA 28.09.1989**